

# Taliban tiada dana, rayu bantu mangsa gempa

1,000 penduduk maut dalam bencana terburuk di Afghanistan

**Kabul:** Kerajaan Taliban merayu bantuan serta sokongan dunia ketika negara itu berdepan bencana alam terburuk selepas gempa bumi berukuran 6.1 magnitud meragut lebih 1,000 nyawa dan sekurang-kurangnya 1,500 cedera.

BBC melaporkan, wilayah Paktika di timur Afghanistan menjadi lokasi paling teruk terjejas akibat gempa terbabit dan pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kini bertungkus-lumus menyalurkan bantuan segera.

Dianggarkan banyak lagi mangsa terperangkap di bawah runtuh rumah dan bangunan, selain operasi mencari serta menyelamatkan sukar akibat hujan dan kekurangan jentera berat.

Beberapa mangsa yang terselamat memaklumkan, sejumlah kampung musnah sepenuhnya akibat gempa terbabit, selain banyak jalan dan menara telekomunikasi rosak.

Sehubungan itu, pihak berkuasa menjangkakan jumlah korban meningkat dari semasa ke semasa.



Penduduk kampung membantu operasi mencari dan menyelamatkan dengan menyelongkar serpihan bangunan yang musnah akibat gempa bumi 6.1 magnitud di Paktika.

(Foto AGENSI)

Gempa bumi itu adalah yang terburuk pernah berlaku di negara berkenaan dalam tempoh dua dekad, sekali gus menjadi cabaran utama kepada Taliban berusaha memulihkan semula Afghanistan.

Pegawai kanan Taliban, Abdul Qahar Balkhi, berkata kewangan kerajaan ketika ini tidak mampu membantu semua penduduk yang terjejas.

“Kami amat memerlukan bantuan dunia kerana bencana yang

berlaku ketika ini adalah paling teruk.

“Tolak ketepi semua perbezaan fahaman anda, bantulah rakyat Afghanistan yang memerlukan,” katanya.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres memaklumkan agensi itu sudah bersedia menghantar semua bantuan yang diperlukan termasuk perubatan, bekalan asas dan perlindungan sementara.

Kebanyakan kes kematian dilaporkan berlaku di daerah Gayan dan Barmal di Paktika.

Selain itu, kekurangan kemudahan perubatan turut menyumbang kepada peningkatan jumlah korban memandangkan ramai mangsa yang cedera meninggal dunia akibat tidak mendapat rawatan sewajarnya.

Sejumlah petugas perubatan turut terkorban dalam gempa bumi terbabit. AGENSI